

HARI : SELASA

TARIKH : 13/8/2019

M/SURAT : 7

M40 dikhawatir pindah jadi B40

KUALA LUMPUR 12 Ogos - Golongan 40 peratus isi rumah berpendapatan menerengah (M40) dikhawatir bakal 'berpindah' menjadi kelompok berpendapatan rendah (B40) seandainya kesan pelaksanaan subsidi petrol bersasar gagal melindungi kumpulan tersebut.

Pemerhati meramalkan sekiranya pengapungan harga petrol dilakukan selepas pelaksanaan subsidi petrol bersasar, ia akan membawa kesan rantai yang mendorong kenaikan harga barang sekali gus mempengaruhi poket M40 yang tidak mendapat manfaat akibat pelaksanaan subsidi tersebut.

Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA) Datuk Dr. Jacob George berkata, bukan semua M40 berpendapatan tinggi kerana kebanyakannya masih berada pada sempadan gaji antara M40 dan kelompok B40.

Katanya, sekilipun subsidi petrol bersasar diperdayai akan tertumpu kepada kapasiti enjin kenderaan di bawah 1,500cc bagi kereta dan 125cc bagi motosikal, kiraan itu tidak menjamin seseorang itu benar-benar memerlukan bantuan atau tidak.

"Golongan M40 sendiri ramai yang bergelut dan dibaritkan hidup kais pagi makan pagi. Saya harap kerajaan mengkaji perkara ini sebaik-baiknya demi kepentingan jangka panjang," katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail bahawa terdapat beberapa proses lain yang perlu diselesaikan terlebih dahulu, antaranya mengenal pasti kumpulan sasar sebelum kertas cadangan subsidi petrol bersasar itu dapat dibentangkan kepada jemaah menteri.

Sementara itu penganalisis ekonomi Prof. Madya Dr. Abu Sofian Yaacob berkata, walaupun subsidi bersasar itu satu langkah yang baik, namun bukan mudah untuk dilaksanakan kerana keadaan ekonomi dan persekitaran.

"Kadangkala mereka perlu kenderaan enjin kapasiti lebih besar daripada 1,500cc untuk menampung semua ahli keluarga.

"Keadaan seperti ini perlu diberi pertimbangan," jelasnya.